

13 SEP 1996

Abdullah - Taiwan

PERTEMUAN DENGAN MENTERI TAIWAN BERSIFAT PERIBADI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjelaskan bahawa lawatan Menteri Luar Taiwan ke sini minggu lepas dan pertemuan beliau dengannya adalah bersifat peribadi dan tidak rasmi.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa ia tidak akan menjejaskan komitmen Malaysia kepada dasar Satu China yang hanya mengiktiraf Republik Rakyat China (RRC) sebagai kerajaan sah bagi seluruh China termasuk Taiwan serta meneruskan hubungan ekonomi dan perdagangan yang sedia ada antara Kuala Lumpur dan Taipei.

"Malaysia mengamalkan dasar Satu China dan tidak ada niat pada mana-mana waktu untuk mengkaji semula dasar itu. Kita tegas dengan pendirian Satu China, tapi hubungan kita dengan Taiwan adalah hubungan perdagangan dan pelaburan dan Taiwan adalah satu negara yang telah mengadakan hubungan ekonomi yang begitu lama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Dewan Perhimpunan Kebangsaan Vietnam Nong Duc Manh di Wisma Putra di sini. Nong Duc bersama enam anggota rombongan tiba Selasa lepas bagi lawatan enam hari ke Malaysia.

Kenyataan Abdullah itu merupakan ulasan pertamanya berhubung laporan sebuah agensi berita asing minggu lepas yang memetik media Taiwan bahawa Menteri Luar negara itu, John Chang, membuat lawatan ke Malaysia dan mengadakan perbincangan sulit dengan Abdullah.

Laporan itu turut menyebut bahawa lawatan dua hari Chang yang tidak diumumkan itu adalah sebahagian dari usaha Taipei bagi menghapuskan pemencilan diplomatik yang dihadapinya dari masyarakat antarabangsa.

Abdullah berkata Taiwan merupakan antara empat negara yang paling aktif dalam hubungan perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan kadang kala menjadi pelabur terbesar di negara ini.

"Kita, dengan itu, tidak bolehlah buat tidak peduli langsung pada Taiwan yang aktif memainkan peranan dalam bidang pelaburan dan perdagangan di negara ini.

"Jadi apa-apa "contact" (hubungan) yang dibuat dengan pemimpin mereka adalah atas asas tidak rasmi dan peribadi. Itu tidak boleh dianggap dan patut jangan dianggap sebagai menjejaskan hubungan kita dengan RRC ataupun dianggap sebagai adanya niat untuk mengubah dasar Satu China itu...tidak sekali-kali," katanya.

Statistik terbaru menunjukkan pelaburan Taiwan di Malaysia menduduki tempat kedua selepas Jepun, tahun lepas, dengan pelaburan bernilai RM1,440 juta merangkumi 19.56 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing di negara ini.

Pada 1990 dan 1994, Taiwan merupakan pelabur terbesar di Malaysia dengan nilai pelaburan masing-masing sebanyak RM6,330 juta dan RM2,870 juta. Kini terdapat kira-kira 900 syarikat Taiwan beroperasi di negara ini.

Sambil merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu ini, pada Selasa lepas, bahawa Malaysia tetap berpegang kepada dasar Satu China, Abdullah berkata beliau berharap komitmen itu akan memperjelaskan mengenai kedudukan isu ini dan dapat difahami oleh RRC.

"Saya berharap perkara ini dapat difahami dengan jelas dan apabila Perdana Menteri sendiri sebagai ketua kerajaan menyatakan bahawa komitmen kita kepada dasar Satu China itu adalah jelas dan tegas serta tidak akan

ada perubahan, maka saya percaya pihak China akan dapat menerima kenyataan tersebut dengan sikap yang ikhlas dan dapat memahami niat Malaysia," katanya.

Beliau berkata Malaysia mempunyai hubungan yang amat baik dengan China dan kedua-dua negara ini boleh dianggap sebagai negara sahabat dan berharap Beijing dapat memahaminya.

Malaysia merupakan negara ASEAN pertama menjalin hubungan diplomatik dengan Beijing hasil lawatan bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak, ke Beijing pada 31 Mei 1974.

Kuala Lumpur memutuskan hubungan diplomatik dengan Taipei pada tahun itu juga (1974) apabila ia mengiktiraf RRC di bawah dasar Satu China.

Pusat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei di sini pula menjadi pusat menguruskan segala hubungan ekonomi Malaysia dan Taiwan. -- BERNAMA

RV NAK